

# PROGRAM PEMBANGUNAN TAMADUN MASYARAKAT ORANG ASLI (PETAMA). SATU ANALISIS

## (Civilization Development Program of Indigenous Community (PETAMA). An Analysis)

Sobariah Abu Bakar\* and Rashidi Abbas

Pusat Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang, Malaysia

**ABSTRACT** – This study aims to examine the Civilization Development Program of Indigenous Peoples (PETAMA) and its role in Islamic preaching, especially to the Orang Asli community in the state of Pahang. The noble effort is carried out through the method of building and developing a group of preachers among the Orang Asli community itself. Therefore, PETAMA can be seen as a program capable of educating Orang Asli youth to become skilled preachers today. The teaching material provided is comprehensive which includes tutorial and practical classes according to specific levels and skills trained by experienced instructors. This PETAMA program includes Fardhu Ain classes, Quran reading skills, communication and public speaking and practical teaching in addition to other strengthening activities such as motivation and identity camps, practical slaughtering, preaching pilgrimages, study tours, games and sports and culture.

**ABSTRAK** – Kajian ini bertujuan untuk mengkaji Program Pembangunan Tamadun Masyarakat Asli (PETAMA) dan peranannya terhadap dakwah Islamiah khususnya terhadap masyarakat Orang Asli di negeri Pahang. Usaha murni tersebut dilakukan melalui kaedah membina serta membangunkan kumpulan pendakwah dalam kalangan masyarakat Orang Asli sendiri. Justeru itu, PETAMA dapat dilihat sebagai satu program yang mampu mendidik remaja Orang Asli menjadi pendakwah yang kemahiran pada masa kini. Bahan pengajaran yang disediakan adalah komprehensif yang merangkumi kelas tutorial dan praktikal mengikut tahap serta kemahiran tertentu yang dilatih oleh pengajar yang berpengalaman. Program PETAMA ini merangkumi kelas Fardhu Ain, kemahiran membaca al-Quran, komunikasi dan pengucapan awam dan praktikal mengajar disamping aktiviti pemantapan lain seperti kem motivasi dan jati diri, praktikal penyembelihan, ziarah dakwah, lawatan sambil belajar, permainan dan sukan serta kebudayaan.

### ARTICLE HISTORY

Received: 3 Nov 2020

Revised: 29 Nov 2020

Accepted: 6 Dec 2020

### KEYWORDS

PETAMA

Missionary

Al-Quran

Fardhu ain

## PENGENALAN

Kewujudan Akta Orang Asli 1954 (Akta 134) di bawah *Aboriginal Peoples Ordinance* No. 3, 1954 yang telah dipinda pada tahun 1974, penetapan istilah dan kelayakan untuk dikatakan sebagai komuniti Orang Asli telah dijelaskan dengan terperinci. Berdasarkan Seksyen 3 dalam Akta Orang Asli 1954 (Akta 134), Orang Asli ditakrifkan seperti berikut:

1. Mana-mana yang bapanya ialah ahli daripada kumpulan etnik Orang Asli, yang bercakap bahasa Orang Asli dan lazimnya mengikut cara hidup Orang Asli dan adat kepercayaan Orang Asli, dan termasuklah seorang keturunan melalui lelaki itu;
2. Mana-mana orang daripada mana-mana kaum yang diambil sebagai anak angkat semasa budak oleh Orang Asli dan yang telah dibesarkan sebagai seorang Orang Asli, lazimnya bercakap bahasa Orang Asli, mengikut cara hidup Orang Asli dan adat kepercayaan Orang Asli, dan menjadi ahli daripada suatu masyarakat Orang Asli; atau
3. Anak daripada mana-mana penyatuan antara seorang perempuan Orang Asli dengan seorang lelaki daripada suatu kaum lain, dengan syarat anak itu lazimnya bercakap bahasa Orang Asli dan kepercayaan Orang Asli dan masih menjadi ahli daripada suatu masyarakat Orang Asli.

Komuniti Orang Asli di Semenanjung Malaysia merupakan masyarakat peribumi minoriti negara ini yang majoritinya masih mengamalkan cara hidup tradisional, iaitu merupakan masyarakat tani dan masyarakat desa. Majoriti daripada masyarakat Orang Asli ini tinggal dikawasan hutan dan masih mengamalkan cara hidup tradisional yang banyak dipengaruhi oleh alam sekitar dan amalan lama tinggalan nenek moyang mereka. Hampir semua tingkah lakuan aktiviti yang dilakukan oleh Orang Asli perlu mematuhi hukum-hukum yang telah ditinggalkan oleh nenek moyang mereka sebelum ini termasuklah dalam menjalin hubungandengan alam sekitar. Umumnya, masyarakat orang Asli telah sebatu dengan persekitaran alamsemula jadi serta mempunyai pengetahuan tradisi yang diturunkan dari nenek moyang yang dipraktikkan sehingga ke hari ini bagi menjamin kelangsungan kehidupan mereka.

Masyarakat Orang Asli mengamalkan sistem kekeluargaan bilateral iaitu ahli keluarga dikira daripada kedua-dua nasab (nasab ibu dan nasab bapa). Oleh tu, individu-individu yang mempunyai pertalian darah dianggap sebagai keluarga. Mereka akan tinggal di kawasan berdekatan antara satu sama lain bagi mengeratkan hubungan kekeluargaan. Dari aspek perkahwinan pula, masyarakat Orang Asli biasanya mengamalkan sistem eksogami iaitu mereka tidak akan memilih kaum keluarga terdekat sebagai pasangan hidup. Mereka akan memilih pasangan hidup daripada keluarga lain yang tiada pertalian persaudaraan. Tindakan ini dilakukan untuk menambah bilangan ahli keluarga dan perkaitan hubungan persaudaraan. Ikatan kekeluargaan masyarakat orang Asli sangat baik yang mana mereka amat menitikberatkan hubungan silaturahim antara satu sama yang lain. Misalnya, mereka amat mengambil berat akan kesihatan keluarga, justeru, jika ada ahli keluarga yang sakit, mereka akan melawatinya di rumah. Daripada aspek sosioekonomi, corak hidup Orang Asli adalah lebih bersandarkan kepada sumber persekitaran di sekeliling mereka. Sumber ekonomi mereka adalah bergantung kepada sumber alam terutamanya hutan di sekeliling petempatan mereka. Pelbagai aktiviti ekonomi yang dilakukan yang mana setiap kaum mempunyai aktiviti ekonomi mereka yang tersendiri. Antara aktiviti ekonomi yang dilakukan ialah menjalankan pertanian pindah, mengumpul hasil hutan dan memburu haiwan liar. Golongan lelaki kebiasaannya akan masuk ke hutan untuk menampung keluarga dari segi mencari sumber makanan dan ekonomi. Mereka akan masuk ke hutan pada awal pagi dan balik pada lewat petang tetapi ada masanya akan tinggal dalam hutan selama seminggu atau lebih untuk mengumpul hasil hutan (Mohd Tajuddin et al. 2016).. Kaum wanita pula akan ke sungai berhampiran untuk menangkap ikan sebagai sumber makanan harian selain membuat kerja disekitar rumah seperti menganyam bakul dan tikar. Masyarakat Orang Asli membawa identiti yang unik dan kepercayaan yang tersendiri. Dari aspek kepercayaan, masyarakat Orang Asli didapati mempunyai adat resam dan kepercayaan animisme. Sistem kepercayaan mereka adalah peranan dewa-dewa, keramat, roh dan sebagainya. Pandangan hidup mereka banyak dipengaruhi oleh keadaan fizikal alam sekeliling di persekitaran yang di diami. Dengan itu hutan rimba, gunung, bukit, petir, dan sebagainya dianggap sebagai mempunyai makna tersendiri bagi kosmologi masyarakat ini. Ini telah membawa perlakuan- perlakuan ritual dan pantang larang dalam kehidupan seharian berdasarkan kepercayaan mereka. Misalnya, beberapa pantang larang juga perlu dipatuhi oleh seorang ibu yang sedang mengandung. Pantang larang ini juga dikenakan kepada si suami. Antara pantang larang yang dianggap penting ialah si suami misalnya tidak boleh menjala ikan selain suami dan isteri dilarang memakan daging rusa dan kijang. Namun, kepercayaan mereka terhadap animisme semakin berkurangan. Perubahan yang melanda masyarakat ini ada kaitan dengan gerakan dakwah agama lain termasuk Islam yang semakin kuat ke atas masyarakat ini. Walaupun begitu, tidak dapat dinafikan, masih banyak lagi kalangan mereka yang mengamalkan unsur-unsur animisme dan proses sinkretisme dengan agama-agama lain.

Orang Asli atau Orang Asal yang digelar juga masyarakat peribumi merupakan penduduk asal di Malaysia. Terdapat tiga kelompok besar Orang Asli iaitu Melayu Proto, Senoi dan Negrito. Antara suku yang dikategori sebagai Melayu Proto ialah Kuala, Kanaq, Seletar, Jakun, Semelai dan Temuan. Manakala Senoi terdiri daripada suku Temiar, Semai, Semoq Beri, Jahut, Mah Meri dan Che Wong. Kaum Negrito pula terdiri daripada suku Kensiu, Kintak, Lanoh, Jahai, Mendriq dan Bateq (JAKOA, 2017).

Carey (1976) telah membuat pembahagian ke atas masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia yang terbahagi kepada empat komuniti yang berbeza:

- a) Kumpulan-kumpulan yang masih tinggal dalam hutan. Keadaan ini menyebabkan beberapa hari diperlukan untuk sampai ke perkampungan orang Melayu yang berdekatan dan perhubungan dengan orang luar amat terbatas.
- b) Kumpulan yang tinggal di kawasan-kawasan yang hanya mengambil masa beberapa jam untuk sampai ke jalan-jalan raya yang berhampiran. Kumpulan ini lebih maju daripada sesiekonomi dengan menjual hasil hutan kepada orang tengah.
- c) Kumpulan Orang Asli yang tinggal di luar hutan iaitu yang tinggal berhampiran dengan perkampungan Melayu dan boleh sampai ke penempatan mereka dengan kereta. Kehidupan mereka juga banyak berubah terutamanya di kawasan-kawasan yang dimajukan oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA).

Kumpulan Orang Asli yang telah diasimilasikan dengan masyarakat Melayu. Kebanyakan dari mereka telah pun memeluk agama Islam, tetapi dalam beberapa hal adat tradisi mereka masih lagi diamalkan. Sehingga tahun 2013, terdapat 853 buah perkampungan Orang Asli dicatatkan di seluruh Malaysia. Sebahagian besar daripada kampung-kampung tersebut tertumpu di Kawasan pinggir bandar (525 buah kampung) diikuti oleh kawasan pedalaman iaitu sebanyak 322 buah kampung (Mohd Tajuddin et al., 2016).

## LATAR BELAKANG PENUBUHAN PETAMA

### Visi

Melahirkan modal insan dikalangan masyarakat Asli yang bertamadun sesuai dengan arus pembangunan negara, berasaskan ajaran Islam.

### Misi

- i. Melahirkan golongan yang mampu menjadi pemimpin Islam dan ejen pembangunan di dalam masyarakat orang Asli.
- ii. Mewujudkan individu orang Asli yang mempunyai ilmu ukhrawi dan berkemahiran duniawi moden.

### Objektif Penubuhan

Program khusus untuk masyarakat Asli seumpama model ini adalah yang pertama ditubuhkan di negara ini. Matlamatnya adalah untuk menjadikan pelajar sebagai agen pengubah memajukan masyarakat Orang Asli itu sendiri.

### Penubuhan PETAMA

Kerajaan juga akan memperkenalkan dasar baharu bagi membasmi kemiskinan rakyat termasuk golongan Orang Asli dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) yang akan dibentangkan di Parlimen hujung tahun ini. Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, kadar kemiskinan di seluruh negara berdasarkan tarif baharu adalah pada kadar 5.6 peratus dan 40 peratus daripadanya dalam kalangan Orang Asli. Menurut beliau, tumpuan khusus juga akan diberikan kepada golongan Orang Asli dalam RMK-12 ekoran kadar kemiskinan yang tinggi dalam kalangan mereka. Katanya, pendekatan daripada aspek pendidikan akan diberi keutamaan untuk golongan tersebut. “Untuk RMK-12 ini, kita melihat kadar kemiskinan yang tinggi dalam kalangan Orang Asli. Oleh itu, kita harus ada pendekatan lebih berkesan untuk memperkasakan golongan itu di mana salah satunya adalah melalui pendidikan. “Perlu ada usaha yang betul dan khusus serta jihad untuk mengangkat taraf pendidikan Orang Asli. Jika kita dapat perbaiki lagi prestasi pendidikan, maka ini merupakan cara terbaik untuk memajukan sosial dan ekonomi mereka,” katanya. (Kosmo, Oktober 2020).

Di peringkat negeri pula, kerajaan juga telah memperuntukkan sejumlah dana yang besar bagi mengadakan berbagai program untuk meningkatkan pendidikan masyarakat Orang Asli. Kerajaan Negeri Pahang contohnya, melalui Yayasan Pahang telah mewujudkan satu program yang dinamakan Program Pembangunan Tamadun Masyarakat Asli atau ringkasannya PETAMA.

Program Pembangunan Tamadun Masyarakat Orang Asli (PETAMA) yang beroperasi di Kuantan, Pahang telah ditubuhkan oleh Yayasan Pahang pada 3 Mei 1998 hasil kerjasama yang erat dengan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), Majlis Ugama Islam Pahang (MUIP), Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP) dan PERKIM dan telah disempurnakan perasmianya oleh YAB Dato’ Sri Diraja Haji Adnan bin Haji Yaakob, mantan Menteri Besar Pahang yang ketika itu Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan dan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pahang. Bermula tahun 2004 PETAMA telah diletakkan dibawah pentadbiran dan pengurusan Kolej Yayasan Pahang selaku anak syarikat milik penuh Yayasan Pahang sebagai badan pelaksana program.

PETAMA telah beroperasi hampir dua puluh dua tahun dan merupakan satu-satunya program di Malaysia yang menghimpunkan remaja Orang Asli di satu tempat untuk mendidik dan melahirkan modal insan di kalangan masyarakat Orang Asli yang mampu menjadi pendakwah, pemimpin dan agen perubahan di dalam masyarakat mereka sendiri sesuai dengan arus pembangunan Negara yang berasaskan ajaran Islam

PETAMA turut membantu misi kerajaan menjalankan tanggungjawab sosial serta merapatkan jurang persaingan antara kaum di negara ini.. Pelbagai pihak dan agensi telah memberikan sokongan padu terhadap program ini baik secara langsung ataupun tidak langsung. Ini terbukti daripada beberapa kenyataan dan kajian penyelidikan. Antaranya ialah :

Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang di Majlis Santapan Diraja Bersama Saudara Baru di Hotel MS Garden, Kuantan pada April 2012 ada menyebut : “PETAMA yang telah beroperasi selama 14 tahun sepatutnya telah mengorak langkah dengan lebih jauh bagi menyediakan pendidikan di peringkat diploma dan turut memberi peluang bukan sahaja kepada masyarakat Orang Asli tetapi juga kepada masyarakat yang lain”. Buku bertajuk Dakwah Multi Etnik terbitan Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam UKM Bangi ada menyatakan: “ Keberkesanan dakwah dari aspek pendidikan yang dapat dilihat pertamanya ialah lahirnya Pembantu Penggerak Masyarakat dari kalangan masyarakat ini sendiri. Mereka ini adalah pelajar-pelajar lepasan PETAMA”.

Menurut Mastura binti Ismail, Pegawai Penyelaras PMOA JAKIM Pahang (2008), usaha-usaha yang dijalankan oleh JAIP, JHEOA, PERKIM dan PETAMA melalui aktiviti pendidikan ini telah berjaya melahirkan golongan cerdik pandai dalam masyarakat tersebut dan memberi peluang kepada mereka dalam menjawat jawatan penting dalam perkhidmatan kerajaan.

Sehingga kini PETAMA telah berjaya melatih lebih 800 orang pelajar dikalangan remaja masyarakat Orang Asli. Mereka ini terdiri daripada berbagai suku kaum yang berasal daripada negeri Pahang, Kelantan, Terengganu, Johor dan Negeri Sembilan dengan mendapat tajaan dari berbagai agensi khususnya dari negeri kelahiran mereka sendiri.

**Jadual 1.** Statistik Pelajar PETAMA 1998-2020

TAHUN	BADAN PENAJA							JUM	
	YP	MUIP	JAKOA PHG	JAKOA KLTN	MAIDAM	MAJ	YIT		MAINS
1998	18	-	-	-	-	-	-	-	18
1999	28	-	-	-	-	-	-	-	28
2000	30	-	9	-	2	-	-	2	43
2001	30	-	-	-	-	2	3	1	36
2002	30	-	-	-	-	-	-	1	31
2003	30	-	-	-	-	2	3	-	35
2004	30	-	5	5	-	2	-	-	42

**Jadual 1.** (samb.)

TAHUN	BADAN PENAJA								JUM
	YP	MUIP	JAKOA PHG	JAKOA KLTN	MAIDAM	MAJ	YIT	MAINS	
2005	30	2	-	-	-	-	-	-	32
2006	30	-	-	-	-	1	-	-	32
2007	30	-	-	-	-	2	-	-	32
2008	30	-	-	10	-	-	-	-	40
2009	30	-	-	10	-	1	-	-	41
2010	36	-	-	6	-	1	-	-	43
2011	30	-	-	9	-	-	-	-	39
2012	30	-	-	4	-	-	-	-	34
2013	30	-	-	-	-	-	-	-	30
2014	30	-	-	-	-	1	-	-	31
2015	30	-	-	4	-	12	-	-	46
2016	30	-	-	7	9	-	-	-	46
2017	30	-	-	3	6	5	-	-	44
2018	30	-	-	-	2	7	-	-	39
2019	30	-	-	-	1	5	-	-	36
2020	30	-	-	-	1	2	-	-	33
JUMLAH KESELURUHAN									831

Sumber : Prospektus PETAMA

## PEMBANGUNAN PROGRAM PETAMA

Sejak tahun 1998 hingga 2016 pengajian di PETAMA mengambil masa selama satu setengah tahun yang dibahagikan kepada dua peringkat iaitu Peringkat Persediaan (Tamhidi) selama setahun dan Peringkat Lanjutan (Talhiqi) selama enam bulan. Pengambilan pelajar pula hanya sekali setahun iaitu pada bulan Januari pada setiap tahun. Kurikulum di PETAMA adalah seperti berikut :

### Kurikulum PETAMA

#### A) Peringkat Persediaan (Tamhidi)

Bil	Mata Pelajaran
1.	Al-Quran
2.	Akidah
3.	Fiqh
4.	Akhlak
5.	Sirah

#### B) Peringkat Lanjutan (Talhiqi)

Bil	Mata Pelajaran
1.	Al-Quran dan Tajwid
2.	Fiqh Munakahat
3.	Methodologi Dakwah
4.	Methodologi Pendidikan
5.	Komunikasi dan Pengucapan Awam
6.	Sirah
7.	Jawi

### Kelas Pembangunan PETAMA

Pelajar-pelajar yang mengikuti pengajian di PETAMA mempunyai latar pendidikan yang berbeza dan kebanyakan mereka adalah remaja yang keciciran di peringkat sekolah menengah. Ramai diantara mereka adalah Muallaf atau saudara baru yang memerlukan perhatian dan bimbingan sepenuhnya. Oleh itu mereka didedahkan dengan kemahiran membaca al-Quran dan menghafal surah-surah pendek pada waktu pagi dan dibimbing secara berkumpulan di dalam kelas

sementara di sebelah petang pula adalah secara talaqqi musyafahah (*face to face*). Ramai diantara mereka mampu khatam al- Quran dalam tempoh satu setengah tahun ini.

Bagi kelas Fardhu Ain pula merangkumi mata pelajaran asas Fiqh, Akidah, Akhlak dan Sirah dalam tempoh setahun dan kemudian dilanjutkan ke enam bulan lagi bagi tempoh pengukuhan dengan pelajaran tambahan lain seperti Fiqh Munakahat, Methodologi Dakwah, Methodologi Pendidikan, Komunikasi dan Pengucapan Awam serta asas pelajaran Jawi. Disamping itu aktiviti ko-kurikulum juga sangat bermakna bagi mereka seperti praktikal penyembelihan binatang, ziarah dakwah di perkampungan Orang Asli, menyertai pertandingan sukan dan kebudayaan, Kem Motivasi dan jati diri, lawatan sambil belajar serta sambutan hari-hari kebesaran Islam. Mereka juga dilatih untuk menjadi Imam dan memimpin bacaan doa dalam acara-acara rasmi yang diadakan. Pendekatan seperti ini menjadikan mereka lebih yakin untuk berhadapan dengan orang lain serta menghilangkan rasa rendah diri yang sangat tebal dalam diri mereka.

## KESIMPULAN

Pendidikan dan sistem pembelajaran Orang Asli amat penting ketika ini dan ia adalah cabaran besar kepada golongan terbabit dalam meneruskan kehidupan mereka dalam dunia moden yang serba mencabar ini. Tanpa pendidikan yang sempurna, mereka tidak akan ke mana dan bakal berhadapan dengan kesulitan pada masa hadapan.

Sehubungan itu, program pendidikan seperti PETAMA adalah sangat sesuai kepada golongan ini kerana menyediakan sistem serta model pembelajaran khusus dan mempunyai pendekatannya yang tersendiri. Kemudahan asas dan bantuan kewangan yang sewajarnya juga telah disediakan bagi memudahkan mereka mengikuti pelajaran dengan lebih gembira dan menarik.

Kewujudan PETAMA juga dapat dilihat sebagai satu usaha yang berterusan dalam membantu kerajaan untuk melahirkan modal insan khususnya pendakwah di kalangan masyarakat Orang Asli serta memartabatkan pendidikan mereka untuk mampu bersaing dengan bangsa lain di negara ini.

## RUJUKAN

- PETAMA. 1998. Program Pembangunan Tamadun Masyarakat Orang Asli (PETAMA). Kuantan: PETAMA. Risalah Umum PETAMA. 1998.
- PETAMA. 1999. Laporan PETAMA Rehlah Ke Pekan Bandar Diraja. Kuantan: PETAMA.
- PETAMA. 2003. Kurikulum Peringkat Tamhidi dan Talhiqi. Kuantan: AQFA bahagian Akademik.
- PETAMA. 2003. Modul Public Speaking Kuantan: AQFA Bahagian Akademik. PETAMA. 2003. Laporan Kursus Intensif Pembantu Penggerak PETAMA Kali Keenam. Kuantan: PETAMA.
- Razi bin Musa. 2012. PETAMA, Kuantan, Pahang. Temubual 20 Julai.